

1. Pendedahan KWSP dalam 1MDB terhad



KUALA LUMPUR: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sekali lagi menegaskan ia hanya mempunyai pendedahan minimum kepada hutang keseluruhan 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Datuk Shahril Ridza Ridzuan, berkata dana persaraan kakitangan swasta itu hanya mempunyai pelaburan bernilai RM200 juta daripada terbitan hutang bernilai RM5 bilion semasa 1MDB masih dikenali sebagai Lembaga Pelaburan Terengganu (TIA).

Malah, beliau menegaskan, pelaburan minimum itu dijamin sepenuhnya oleh kerajaan, yang tidak seharusnya mencetuskan kebimbangan di kalangan pencarum.

"Isu dengan 1MDB ini adalah satu persoalan yang tidak pernah putus dan kami sentiasa menegaskan bahawa pendedahan KWSP kepada 1MDB adalah sangat terhad.

"Pendedahan KWSP kepada 1MDB adalah dijamin kerajaan sepenuhnya dan kami tidak pernah berhadapan masalah dengannya. Malah, kami juga tidak pernah mempunyai isu dari segi pembayaran oleh 1MDB," katanya pada sidang media mengumumkan Laporan Tahunan 2015 KWSP di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian semasa ditanya sama ada KWSP akan menerima impak daripada kegagalan 1MDB menjelaskan bayaran faedah bon bernilai RM5 bilion, baru-baru ini.

Shahril Ridza menegaskan, KWSP mengikuti dengan penuh rapat perkembangan semasa yang berkaitan dengan pendedahan hutang lain 1MDB.

Jelasnya, setiap terbitan bon mempunyai pemegang amanah dan adalah menjadi tanggungjawab pemegang amanah berkenaan untuk 'menyelesaikan' isu terbabit.

"Kami akan menunggu pemegang amanah untuk melihat sama ada mereka beranggapan bahawa memang terdapat pengingkaran merentas (cross default) dan sama ada perlu membawa perkara ini kepada pemegang bon," katanya.

Bulan lalu, 1MDB tidak membayar faedah AS\$50 juta (RM198.11 juta) ke atas bon bernilai AS\$1.75 bilion (RM6.88 bilion) kerana pertikaian dengan International Petroleum Investment Company (IPIC) berhubung siapa yang seharusnya membuat pembayaran itu.



Selasa, 3 Mei 2016

2. KWSP beri pulangan baik lepsi kadar inflasi

KUALA LUMPUR: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yakin akan terus memberikan kadar pulangan sebenar 2.0 peratus di atas kadar inflasi tahun ini walaupun ketidaktentuan dalam pasaran ekuiti, kata Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Shahril Ridza Ridzuan.

Beliau berkata, sasaran utama 'inflasi campur 2.0', yang menentukan sumbangannya kepada pelabur, menyebabkan KWSP berprestasi lebih baik dalam tempoh lima hingga enam tahun lepas apabila ia mampu memberikan pulangan lebih tinggi iaitu 'inflasi campur 4.0'.

"Pada suku pertama tahun ini, prestasi pasaran ekuiti sangat mencabar bukan sahaja kepada KWSP tetapi juga mana-mana pengurus dana pelaburan di seluruh dunia berikutan ketidaktentuan tinggi dan hasil yang rendah.

"Oleh itu kami menjangka, dengan semua cabaran itu, untuk terus memberi tumpuan kepada 'inflasi campur 2.0' untuk memastikan kami boleh memberikan pertumbuhan sebenar kepada pelabur dan anggota kami untuk jangka masa yang panjang," katanya kepada pemberita selepas mengeluarkan Laporan Tahunan KWSP 2015 di sini, hari ini.

Sementara itu, Bank Negara Malaysia menjangka inflasi akan tumbuh di antara 2.5 dan 3.5 peratus tahun ini.

Shahril berkata, dana persaraan itu merancang meningkatkan pelaburan domestik jangka panjangnya bagi mempelbagaikan portfolio, terutama 'aset inflasi' seperti utiliti, infrastruktur, lebuhraya dan tenaga.

Menurutnya, KWSP mempunyai liputan aset, sumbangan dan pendapatan domestik yang lebih daripada mencukupi untuk mendapatkan sebarang jenis pelaburan tempatan.

Beliau berkata, segmen pendapatan yang lebih meluas akan membolehkan KWSP mengurangkan kesan daripada persekitaran ekonomi global yang tidak menentu dan perubahan jangka pendek dalam pasaran.

"Pada 2015 pasaran global menyebelahi kita manakala pada 2014, pasaran domestik pula menyebelahi kita. "Pada asasnya ia adalah untuk memastikan kita boleh mengharungi untuk jangka panjang melalui kitaran kemaruapan jangka pendek dalam sebarang pasaran atau kelas aset," katanya.

Pelaburan asing KWSP, yang merupakan 25 peratus daripada jumlah aset, menyumbang 48 peratus kepada pendapatan pelaburan kasar RM44.23 bilion yang dicatat tahun lepas.

Kumpulan itu setakat ini melabur kurang sedikit daripada 26 peratus daripada had global yang ditetapkan kerajaan untuk pelaburan asing.

Sementara itu, Shahril berkata, KWSP tidak mempunyai pendedahan penting dalam penerbitan sukuk RM5 bilion 1Malaysia Development Bhd kerana dana itu hanya memegang kira-kira empat peratus atau RM200 juta pelaburan daripada keseluruhan penerbitan.

Menurutnya, belum ada keputusan mengenai pelaburan KWSP itu kerana pemegang amanah tidak menganggap berlakunya kemungkiran silang dalam penerbitan itu setakat ini.

3. 1MDB tak pernah 'mengaku berlaku penipuan' - Arul Kanda



PRESIDEN dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1Malaysia Development Bhd (1MDB), Arul Kanda Kandasamy.

KUALA LUMPUR: 1Malaysia Development Bhd (1MDB) tidak pernah 'mengaku berlaku penipuan' seperti yang didakwa oleh pelbagai personaliti dan seterusnya disalah lapor oleh media tertentu, kata Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan, Arul Kanda Kandasamy.

"Apa yang saya katakan ialah, berikutan kandungan kenyataan Pejabat Peguam Negara Switzerland pada 12 April 2016, 1MDB kini terbuka kepada kemungkinan penipuan, itu tidak boleh diketepikan," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Beliau merujuk kepada pelbagai komentar mengenai kenyataannya baru-baru ini berkaitan kemungkinan wujudnya penipuan berhubung dana milik negara 1MDB.

Arul Kanda berkata, amat dikesalkan ramai personaliti memilih untuk 'memutar' perkataannya demi agenda mereka sendiri.

"Apa yang penting pada pandangan saya ialah pertelingkahan 1MDB mengenai deposit AS\$3.5 bilion yang dibayar kepada Aabar Investments PJS Ltd (Aabar BVI).

"1MDB menegaskan yang ia telah berurusan dengan beberapa eksekutif kanan, oleh itu transaksi terbabit mengikat Abu Dhabi International Petroleum Investment Co (IPIC) dan Aabar Investments PJS sebagai syarikat korporat, secara kasarnya - ia adalah hal dalaman mereka untuk diselesaikan," katanya.

Katanya, 1MDB tidak akan menjauhkan diri dan berharap untuk menyelesaikan pertelingkahan dengan IPIC melalui perbincangan dan jika perlu, arbitrase dalam usaha memastikan penyelesaian yang pantas demi kepentingan semua pihak.

Dalam pada itu, 1MDB akan terus memberi kerjasama sepenuhnya kepada Polis Diraja Malaysia dalam siasatannya ke atas syarikat itu, katanya.

"1MDB telah menegaskan dan akan terus menegaskan, jika sebarang bukti salah laku ditemui, tindakan mesti diambil berdasarkan undang-undang," kata Arul Kanda.



Isnin, 9 Mei 2016

4. Malaysia mampu tangani aliran modal tak menentu - IMF



KUALA LUMPUR: Malaysia mampu berdepan kesan pengaliran keluar masuk modal asing secara besar-besaran dengan terkawal, kata Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Berdasarkan ujian tekanan sukar yang dilakukan badan kewangan global itu menunjukkan pengaliran modal asing secara berterusan yang mana keadaan yang sama pernah dicatatkan ketika krisis kewangan antarabangsa, mengesahkan bahawa risiko yang tercetus daripada senario aliran modal tidak menentu terhadap Malaysia, kekal terkawal.

IMF menjelaskan, dengan sebahagian besar hutang luar Malaysia dalam mata wangnya sendiri dan kadar tukaran asing yang fleksibel, membenarkan lebih banyak perkongsian risiko dengan pelabur asing.

Apabila kejutan memacu kepada pengaliran keluar dan penyusutan mata wang, pemegang asing berdepan kerugian penilaian, mengurangkan rizab dan insentif untuk keluar.

Dalam laporan terkini IMF susulan selesainya perundingan Perkara IV 2016 dengan Malaysia, menunjukkan ia bersetuju bahawa ekonomi yang terbuka dan sektor kewangan yang besar mendedahkan ekonomi negara ini kepada ketidaktentuan aliran modal.

Pengumpulan rizab ketika peningkatan aliran masuk pasca krisis kewangan global membantu Malaysia mengehendkan pengukuhan kadar tukaran dan mengurangkan lebihan kecairan dalam sistem perbankan, sementara mengekalkan kestabilan keadaan monetari.

Seterusnya, apabila aliran bergerak sebaliknya, penggunaan rizab dan suntikan mudah tunai ke dalam sistem perbankan melindungi kesan kepada keadaan kewangan dan ekonomi.

Di samping itu, kadar pertukaran yang fleksibel memainkan peranan penting dalam pelarasan harga komoditi yang lebih rendah.

"Pihak berkuasa mengakui bahawa daya tahan Malaysia terhadap turun naik tidak menentu aliran modal adalah kukuh seperti yang ditunjukkan oleh kesan sederhana terhadap ekonomi sebenar dalam episod aliran keluar modal.

"Mereka bersetuju dengan penilaian kakitangan bahawa ekonomi Malaysia boleh berdaya tahan kepada senario tekanan kerana asas dan dasar ekonomi makro yang kukuh, termasuk kepelbagaian sumber pertumbuhan, lebihan akaun semasa dan aliran masuk pelaburan langsung asing, paras hutang luaran yang terkawal dan sistem kewangan yang pelbagai," katanya.

INFO: Faktor daya tahan Malaysia

- sebahagian besar hutang luar Malaysia dalam ringgit
- kadar tukaran asing yang fleksibel
- lebih banyak perkongsian risiko dengan pelabur asing.

5. PETRONAS, PETROVIETNAM lanjutkan kontrak perkongsian pengeluaran PM3 CAA

KUALA LUMPUR: PETRONAS dan Vietnam Oil and Gas Group (PETROVIETNAM) melanjutkan Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC) dengan empat rakan kongsi bagi PM3 Kawasan Aturan Komersial (CAA) hingga 2027.

Rakan kongsi itu ialah Talisman Malaysia Ltd, Talisman Malaysia (PM3) Ltd (Talisman), Petronas Carigali Sdn Bhd (PCSB) dan PetroVietnam Exploration Production Corporation Ltd (PVEP), menurut kenyataan bersama syarikat minyak nasional berkenaan dan PetroVietnam di sini, hari ini.

Mengikut terma PSC, yang ditandatangani pada 6 April 2016, Talisman akan terus mengendalikan Blok PM3 CAA dengan kepentingan ekuiti 35 peratus manakala PVEP akan memiliki 30 peratus, dengan baki 35 peratus dipegang oleh PCSB.

Lanjutan kontrak 10 tahun itu akan mengekalkan pengeluaran dari lima medan pengeluaran iaitu medan Bunga Orkid, Bunga Kekwa, Bunga Raya, Bunga Tulip dan Bunga Saroja.

Aktiviti lain termasuk pembangunan lanjut medan yang diterokai dalam lingkungan CAA luar pesisir Malaysia-Vietnam.

Rakan-rakan kongsi itu komited untuk melaksanakan penerokaan medan berhampiran, pembangunan awal dan kajian mengenai pemulihan minyak dipertingkat (EOR) bernilai US\$500 juta daripada komitmen kerja minimum tambahan.

Projek PM3 CAA melibatkan medan luar pesisir yang terletak di seluruh kawasan 2,008 kilometer persegi dalam zon bertindih antara Malaysia dan Vietnam.

6. Kegagalan terbit IPO punca masalah 1MDB - PM

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak. - Foto Sairien Nafis

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak hari ini menjelaskan, kegagalan syarikat 1Malaysia Development Bhd (1MDB) menerbitkan tawaran awam permulaan (IPO) akibat "diserang" adalah faktor utama syarikat itu berdepan masalah.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, ini berikutan pendekatan 1MDB menggunakan kaedah pembiayaan hutang bagi perniagaannya yang memerlukan penerbitan IPO dalam masa singkat.

"Pada masa itu, kita cuba pendekatan yang berbeza sebab kita tidak mahu menggunakan dana kerajaan. (Ini kerana) dana kerajaan boleh digunakan untuk projek atau program lain.

"Bagi 1MDB, kita gunakan 'debt funding' (pembiayaan hutang) tetapi dengan syarat kita boleh buat IPO secara cepat. Namun tidak dijangka bahawa 1MDB akan diserang sebegitu sekali.

"Apabila diserang, IPO tidak dapat dilakukan, maka timbullah masalah aliran tunai," katanya dalam rancangan temubual khas Eksklusif Bersama Perdana Menteri bersempena ulangtahun ke-70 UMNO yang disiarkan di saluran TV1 RTM, di sini, malam ini.

Mengulas lanjut, Najib berkata, laporan mengenai 1MDB turut dibuat kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) bagi membuktikan sebarang kepincangan atau salah laku beliau dalam syarikat pelaburan strategik berkenaan.

"PAC sudah bantangkan hasil laporannya. Malah, Timbalan Pengerusi PAC, Dr Tan Seng Giaw yang juga ahli pembangkang, telah membuat kenyataan secara terbuka bahawa mengikut pengamatannya, saya tidak melakukan sebarang kesalahan (dalam 1MDB).

"Saya anggap soal 1MDB ini sebagai satu masalah perniagaan yang modelnya mungkin tak berapa sesuai, terlalu tinggi 'gearing' (tahap kadar hutang)," katanya.

Menurut Perdana Menteri, perkara itu sebaliknya dijadikan modal politik oleh pihak tertentu yang cuba menjatuhkannya. - BERNAMA



Rabu, 11 Mei 2016

7. Pegawai kanan Imigresen, isteri hadapi 4 tuduhan rasuah

AYER KEROH: Timbalan Penolong Pengarah Imigresen Melaka dan isteri mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, pagi ini atas empat pertuduhan rasuah bersama untuk mendapatkan permit kerja pada tahun 2014.

Tertuduh, Marzuan Sungep, 57, dan Norizan Hashim, 41, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Norma Ismail selepas pertuduhan dibacakan terhadap mereka.

Mereka didakwa bersama-sama menerima rasuah berjumlah RM5,400 daripada Helmida Mukhlis sebagai upah mendapatkan permit kerja yang sah dari Jabatan Imigresen Melaka.

Mereka didakwa melakukan perbuatan itu di Malim Jaya pada 13 November serta Bachang pada 14 November dan 17 November 2014.

Marzuan dan Norizan didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan sabit kesalahan, boleh dipenjara hingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut nilai yang lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Ong Cheng Hian memohon mahkamah mengenakan jaminan tinggi bagi setiap tertuduh kerana kegagalan melapor diri ke pejabat SPRM bagi membantu siasatan sejak awal tahun ini.

Norma menetapkan jaminan RM15,000 dengan dua penjamin bagi setiap tertuduh dan 13 Jun ini untuk sebutan semula kes.

8. Integrasi ekonomi skala lebih besar pacu pertumbuhan



SUKHDAVE (kanan) berucap pada Forum Bank Negara di Sasana Kijang, Kuala Lumpur. - Foto Surianie Mohd Hanif

KUALA LUMPUR: Integrasi ekonomi dalam skala lebih besar dilihat sebagai kaedah alternatif lebih berkesan dalam mewujudkan pertumbuhan ekonomi lebih berdaya tahan dalam realiti hari ini.

Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Sukhdave Singh, berkata ia berikutan ketidakupayaan ekonomi global untuk kembali mencatat pertumbuhan sihat pasca krisis kewangan yang berlaku di negara maju sebelum ini.

"Sekarang adalah masa sesuai kerana pembuat dasar tidak berjaya menjana pertumbuhan berdaya tahan. Alat tradisional bagi memulihkan ekonomi kelihatannya tidak berkesan, berkemungkinan terlebih digunakan atau disalah gunakan," katanya.

Beliau berucap di persidangan 'Pengetahuan dan Hub Penyelidikan Bank Dunia bertajuk Kebangkitan Selatan berada di Persimpangan: Satu Pandangan dari Asia Timur dan Amerika Latin' di sini hari ini.

Sukhdave berkata, pendekatan semasa kepada dasar monetari di kebanyakan negara maju menjurus kepada kadar faedah negatif atau hampir sifar, tetapi pertumbuhan ekonomi tetap juga tidak kukuh.

Dasar seperti itu, katanya, berisiko kerana hanya mewujudkan pemindahan pertumbuhan merentas masa dan bukannya mempromosi pertumbuhan berdaya tahan untuk jangka panjang.

"Adalah jelas mereka tidak belajar sepenuhnya daripada krisis kewangan ini, tidak oleh pasaran kewangan mahupun pembuat dasar," katanya.

Beliau berkata, begitu juga dengan dasar fiskal yang seharusnya menjadi alat untuk menyokong permintaan, sekiranya ia digunakan dengan berhemat.

"Dengan dasar fiskal digunakan bagi memenuhi kehendak politik dan bukannya alat ekonomi, maka ia berkemungkinan dasar fiskal bukan saja tidak berkesan dalam mewujudkan persekitaran berdaya tahan, tetapi peluang untuk menggunakannya bagi menyokong pertumbuhan juga menyempit," katanya.



Isnin, 16 Mei 2016

9. Perkemas ketelusan projek elak tragedi tenggelam berulang

BARANGKALI banjir kilat yang menenggelamkan beberapa kawasan di ibu kota, Khamis lalu, membuka mata pelbagai pihak mengenai natijah daripada kepincangan aspek pelaksanaan andai benar ia terpalit dengan rasuah.

Pegangan bahawa wang berkuasa membuatkan segelintir pihak 'tutup sebelah mata' meskipun segala kekurangan seperti spesifikasi pembinaan, kualiti dan ketahanan terpampang ketika pemeriksaan akhir terbukti mengundang padah apabila ratusan rakyat terkandas dalam banjir.

Sebagai ikon kota metropolitan dan dilengkapi sistem pengairan berkeupayaan tinggi, tidak mungkin Kuala Lumpur 'tumbang' akibat penangan hujan tanpa henti selama sejam atau kira-kira dua kali ganda daripada taburan biasa seperti dijelaskan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Adakah keadaan akan lebih buruk sekiranya benar ramalan pakar alam sekitar bahawa La Nina yang menyebabkan taburan hujan melebihi paras normal melanda seluruh negara hujung tahun ini?

Jika sah setiap pembinaan untuk sistem perparitan dan saliran ibu kota seindah di atas kertas projek, maka rakyat boleh menghela nafas lega kerana suhu Kuala Lumpur penghujung tahun mungkin sejuk dan sentiasa basah, tetapi bukan tenggelam.

Penilaian menyeluruh

Sebaiknya, penilaian menyeluruh perlu digerakkan mencakupi setiap rantaian pembinaan iaitu daripada peringkat pemberian tender kontrak sehingga sesebuah projek menerima sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).

Sikap pemberian tender kepada kroni perlu dihindarkan, sebaliknya syarat kelayakan untuk menerajui pembinaan wajib bersandarkan rekod kemampuan, selain berwibawa melaksanakan pembangunan tanpa wujud tindakan mengaut keuntungan lebih dengan mengabaikan mutu bahan.

Pemilihan syarikat kroni hakikatnya bakal mengundang padah kerana untuk 'mengenyangkan perut' semua pihak, kontraktor akhirnya terpaksa 'curi' sana sini sehingga saiz parit dikecilkan.

Jalan terbaik ialah kerajaan perlu memperkemas aspek ketelusan dalam pembinaan dengan mengadakan pemeriksaan mengejut dan berkala, malah penilaian projek bukan sekadar dilakukan selepas ia siap kerana ketika itu luarannya tampak cantik, tetapi sistem saliran di bawah tanah cacat marba.

Sehubungan itu, arahan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, kelmarin perlu dilaksanakan dengan membawa pihak tidak bertanggungjawab tanpa mengenal pangkat dan darjat kerana mengambil rasuah ke muka pengadilan.

Semua pihak, khususnya agensi pelaksana di setiap kementerian sewajarnya memandang arahan Timbalan Perdana Menteri yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Bencana Alam itu sebagai semboyan memerangi kepincangan mencatur pembangunan dek rasuah hingga menyusahkan rakyat.

Jangan hanya berdegar-degar membela nasib rakyat dengan menyiasat pihak yang terbabit untuk mengatasi banjir, tetapi akhirnya ratusan kereta bertukar menjadi perahu dan pemandu teksi tersadai di atas bumbung kenderaannya menepuk dahi memikirkan nasib keluarga.



Rabu, 18 Mei 2016

10. Laporan Ketua Audit 2015: PAC akan panggil 3 agensi kerajaan



Pengerusi PAC, Datuk Hasan Arifin

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) akan memanggil Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Air Negeri Sabah dan Agensi Pengurusan Bencana Negara untuk prosiding secepat mungkin.

Pengerusi PAC, Datuk Hasan Arifin, berkata prosiding itu susulan Laporan Ketua Audit Negara 2015 yang membangkitkan beberapa perkara yang memerlukan penjelasan daripada ketiga-tiga pihak berkenaan.

Katanya, perkara yang menjadi perhatian PAC adalah berhubung pelaksanaan Sistem Imigresen Malaysia bagi Jabatan Imigresen dan Program Bekalan Air Luar Bandar (Jabatan Air Negeri Sabah).

"Bagi Agensi Pengurusan Bencana Negara, perkara yang memerlukan penjelasan adalah berhubung pengurusan pembinaan dan pembaikan rumah mangsa banjir.

"Ketiga-tiga jabatan dan agensi ini dipilih berdasarkan keutamaan perkara berbangkit dan kesannya terhadap rakyat," kata pada sidang media di Parlimen di sini, hari ini.

Laporan Ketua Audit Negara 2015 dapati 29 kementerian, jabatan dan badan berkanun menerima Sijil Tanpa Teguran, lima badan berkanun dan kumpulan wang menerima Sijil Berteguran, manakala satu badan berkanun dan kumpulan wang menerima Sijil Penafian.

Dalam pada itu, Hasan memuji Laporan Audit Negara 2015 yang berjaya dikeluarkan lebih awal berbanding tahun sebelumnya yang dikeluarkan pada bulan Jun.

"Ini menunjukkan sistem yang diamalkan bagi tujuan audit semakin cekap serta komitmen diberikan agensi dan kerajaan negeri," katanya.

11. Syarikat bas ekspres bawa motosikal berdepan tindakan - SPAD



GAMBAR fail keadaan bas ekspres yang turut membawa empat motosikal musnah dalam kebakaran di KM209 Lebuhraya Utara-Selatan arah selatan, di Ayer Keroh, Melaka, Isnin lalu. - Foto ihsan pembaca

MELAKA: Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) akan memanggil pengurusan sebuah syarikat pengangkutan untuk memberi keterangan berikutan insiden sebuah bas ekspres membawa empat motosikal hangus terbakar di Kilometer 209 Lebuhraya Utara Selatan, arah selatan, di sini, malam Ahad lalu.

SPAD dalam satu kenyataan kepada BH berkata, pihaknya tidak pernah mengeluarkan sebarang lesen kepada pengendali bas ekspres untuk membawa kenderaan lain di dalam bas.

Sebaliknya, pihak terbabit hanya dibolehkan membawa penumpang dan bagasi berdasarkan had berat barangan dibenarkan.

"SPAD akan memanggil pengendali syarikat bas ekspres ini dan mereka boleh dikenakan tindakan kerana membawa barangan bukan bagasi yang jelas tidak mengikut syarat dalam lesen, sekali gus boleh menjejaskan keselamatan penumpang.

"Lesen pengendali bas ekspres hanya untuk pengangkutan orang awam dan bagasi, manakala membawa motosikal tidak dibenarkan," kata kenyataan itu, hari ini.

Dalam kejadian kira-kira jam 8 malam berhampiran Hentian Rehat dan Rawat (R&R) Ayer Keroh, bas dua tingkat dalam perjalanan dari Perlis ke Melaka itu dilaporkan turut membawa empat motosikal di bahagian dek bawah.

Bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa dilaporkan dan semua lapan penumpang serta dua pemandu selamat.

SPAD dalam kenyataan itu berkata, sebaik kertas siasatan dilengkapkan, pihaknya akan menyerahkan keputusan denda atau tindakan pendakwaan di mahkamah.

"SPAD tidak akan berkompromi dalam isu keselamatan dan pengendali bas ekspres bertanggungjawab ke atas pengguna bas.

"Kita boleh membatalkan atau menggantung lesen pengendali bas mengikut Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 jika didapati lalai memastikan keselamatan penumpang, melanggar undang-undang atau melanggar syarat lesen," katanya.



Khamis, 19 Mei 2016

12. Program TUBE mula membuahkan hasil - Wahid Omar



Datuk Seri Abdul Wahid Omar.

KUALA LUMPUR: Program Tunas Usahawan Belia Bumiputra (TUBE) mula membuahkan hasil apabila berjaya mentransformasikan 937 golongan muda menganggur dan kurang berkemampuan kepada usahawan berjaya serta disegani.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar, berkata sejak inisiatif yang diterajui SME Corp itu diperkenalkan dua tahun lalu, peserta muda kini berkongsi kisah memiliki perniagaan sendiri, menjadi majikan dan usahawan dengan keuntungan mencecah beratus ribu ringgit.

Katanya, hasil itu sejajar dengan sasaran kerajaan membangunkan 10,000 usahawan muda menjelang 2020 menerusi langkah meningkatkan penyelarasan antara menteri dengan agensi berkaitan pembangunan golongan muda.

"Kami kini melihat generasi muda (gen-y) sebagai usahawan baharu yang dapat memanfaatkan teknologi, media sosial dan berupaya menyesuaikan diri dengan cara bukan konvensional untuk menjalankan perniagaan.

"Sejajar dengan potensi itu, Timbalan Perdana Menteri mencadangkan penubuhan Jawatankuasa Kabinet Usahawan Muda," katanya pada majlis ulang tahun ke-20 SME Corp sempena SMIDEX2016, petang ini.

Turut berlangsung majlis penyampaian Program Realiti Keusahawanan The Entrepreneur dengan kerjasama TV3 dengan MITI iaitu Syed Salleh Syed Sulaiman.



Ahad, 22 Mei 2016

13. Kelemahan myIMMs dikaji - Nur Jazlan



TIMBALAN Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed (kiri) bersalaman dengan peserta kursus selepas merasmikan kursus pertanian berteknologi moden di Kompleks Tan Sri Mohamed Rahmat, Johor Bharu. - Foto Zulkarnain Ahmad Tajuddin

JOHOR BAHRU: Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan menubuhkan pasukan khas bagi mengkaji kelemahan Sistem Imigresen Malaysia (myIMMs) secara menyeluruh, sekali gus menaik taraf sistem berkenaan.

Timbalan Menteri, Datuk Nur Jazlan Mohamed, berkata pihaknya mahu sistem itu dinaik taraf dengan pelbagai ciri keselamatan terkini yang tidak hanya merekodkan pergerakan keluar masuk, malah dapat mengesahkan mereka yang menggunakan pasport.

Katanya, KDN mahu sistem itu membuat pelbagai aplikasi seperti pengecaman wajah, cap jari dan pelbagai keupayaan menganalisis.

"Itu sebabnya banyak aplikasi adalah tambahan seperti aplikasi tambahan kepada cap jari baru-baru ini yang kita boleh gunakan teknik untuk pengesanan.

"Awal bulan ini, kita menggunakan sistem pengecaman wajah untuk melihat sama ada sama atau tidak.

"Bagaimanapun, penambahan sistem bukan dibuat oleh syarikat yang membina myIMMs, maka timbul masalah.

"Sistem pokok, myIMMs sepatutnya boleh diubah suai untuk keperluan semasa dan KDN akan menubuhkan pasukan khas untuk melihat kelemahan sistem myIMMs secara keseluruhan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas perasmian Kursus Pertanian Berteknologi Tinggi, di Kompleks Tan Sri Mohamed Rahmat di sini, hari ini.



Selasa, 24 Mei 2016

14. 751 teguran dalam LKAN Tahun 2015 Siri 1

PUTRAJAYA: Sebanyak 751 teguran membabitkan 708 korektif dan 43 punitif dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2015 Siri 1.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, berkata teguran korektif adalah membabitkan penambahbaikan sistem dan prosedur manakala teguran punitif adalah penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiannya pelaksanaan tugas.



KETUA Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Katanya, 43 teguran punitif membabitkan empat kementerian, dua Badan Berkanun Persekutuan, tujuh kerajaan negeri dan dua syarikat persekutuan.

Kementerian terbabit adalah Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Jabatan Perdana Menteri.

Susulan itu, beliau berkata, enam jawatankuasa siasatan khas ditubuhkan bagi menyiasat teguran punitif membabitkan empat kementerian berkenaan.

"Siasatan ini bertujuan memperoleh keterangan yang relevan dari aspek kesaksian dan keterbabitkan pegawai dalam kes yang dilaporkan," katanya ketika berucap pada Sesi Bersama Media Susulan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 1 di sini, hari ini.



Khamis, 26 Mei 2016

15.2 wanita antara 23 penjawat awam ditahan SPRM Perlis

KANGAR: Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Perlis menahan 23 penjawat awam termasuk dua wanita kerana membuat tuntutan palsu sepanjang 2015, dalam operasi yang dijalankan pada 24 dan 25 Mei lalu.

Pengarah SPRM Perlis, Yaacop Angah, berkata mereka yang ditahan di negeri ini terdiri daripada pelbagai agensi dan kumpulan jawatan.

"Siasatan mendapati mereka telah membeli resit dari hotel bajet di sekitar Kuala Lumpur dengan harga RM10, kemudian membuat tuntutan di pejabat masing-masing dengan harga antara RM160 dan RM220 (mengikut kadar kelayakan gred masing-masing)," katanya dalam kenyataan dikeluarkan di sini hari ini.

Menurutnya, ada juga antara mereka yang membuat tuntutan palsu berkenaan secara kerap iaitu sebanyak 10 kali dalam tempoh setahun dengan jumlah tuntutan individu yang mencecah RM9,850.

Jumlah keseluruhan tuntutan bagi semua kes berkenaan ialah sebanyak RM37,180 dan SPRM percaya masih terdapat kegiatan sama yang dilakukan dalam kalangan penjawat awam lain memandangkan hanya dua hotel sahaja yang telah diperiksa setakat ini.

Kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 (Akta 694), katanya.

Yaacop berkata, hasil siasatan akan dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR) dalam masa terdekat dan kesemua mereka dilepaskan dengan jaminan SPRM sementara menunggu arahan selanjutnya daripada TPR. - BERNAMA



Isnin, 30 Mei 2016

16. Tiada laporan Orang Asli terbabit rasuah - SPRM

GERIK: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Perak tidak pernah menerima sebarang laporan mengenai Orang Asli terbabit dalam rasuah atau laporan daripada masyarakat itu mengenai kes rasuah, kata Timbalan Pengarah SPRM Perak, Mohamad Hassan.

Beliau berkata keadaan itu mungkin disebabkan masyarakat pribumi tersebut sememangnya tidak terlibat dengan rasuah atau terdapat kalangan mereka yang tahu mengenai jenayah kolar putih itu tetapi tidak mengetahui saluran betul untuk membuat laporan.

"Memang tidak ada sebarang aduan dilaporkan oleh masyarakat Orang Asli atas sebarang isu (rasuah). Saya percaya mereka tahu ada amalan rasuah berlaku di sekitar mereka, tetapi tidak tahu bagaimana untuk melaporkannya," katanya pada sesi sembang santai 'Hatimu Hatiku Jua' bersama masyarakat Orang Asli sempena program merakyatkan SPRM bersama Pusat Memerangi Rasuah dan Kronisme (C4) di Kampung Orang Asli Desa Permai, Rancangan Penempatan Semula (RPS) Banun di sini, semalam.

Program sehari itu anjuran bersama SPRM, C4, Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) serta Biro Pengaduan Awam dan disertai lebih 100 orang terdiri daripada ketua dan pemimpin Orang Asli dari seluruh negara.

Mohamad menggesa masyarakat Orang Asli yang mempunyai maklumat mengenai kes rasuah supaya tampil membuat laporan di pejabat SPRM Ipoh atau cawangan berdekatan iaitu di Taiping dan Teluk Intan.

Beliau berkata pemberi maklumat tidak perlu risau untuk membuat laporan mengenai kes rasuah kerana identiti dan aduan yang dibuat, dirahsiakan selain SPRM tidak sesekali bersubahat bagi menggagalkan siasatan.

Dalam pada itu, Mohamad berkata SPRM mengambil inisiatif dengan memberi pendedahan tentang cara pencegahan rasuah kepada masyarakat Orang Asli menerusi program merakyatkan SPRM yang julung kali diadakan itu.

"Pada program ini SPRM membuka kaunter untuk mengajar bagaimana cara-cara membuat aduan rasuah, selain mendengar masalah yang ingin dikemukakan kepada SPRM," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah Jakoa, Suhaimi Mahmud berkata mengikut rekod pihaknya, masyarakat Orang Asli tidak terlibat dengan memberi atau menerima rasuah.

"Cuma ada segelintir daripada mereka yang tidak mematuhi garis panduan dan sebagainya dan kami siasat perkara itu," katanya.



Sabtu, 28 Mei 2016

17. Sasaran 22 peratus PKS tembusi pasaran global - Mustapa

JELI: Kerajaan menyasarkan bilangan syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) ke pasaran antarabangsa akan bertambah sebanyak lima peratus kepada 22 peratus menjelang 2020.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata setakat ini, hanya 17 peratus daripada 690,000 syarikat PKS berjaya memasarkan produk mereka ke peringkat antarabangsa.

"Pada masa ini, eksport lebih banyak disumbangkan oleh syarikat-syarikat besar berbanding syarikat kecil. Atas alasan ini (PKS) perlu menjalin rangkaian dengan syarikat-syarikat multinasional," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan pelancaran serentak Minggu PKS Peringkat Kebangsaan, Ekspo Keusahawanan Jeli dan Program Pusat Transformasi Komuniti Bergerak (Mobile CTC) di Sekolah Kebangsaan (SK) Gemang di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengerusi SME Corp Malaysia (SME Corp) Tan Sri Ir Mohamed Al Amin Abdul Majid, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp Datuk Hafsah Hashim, Pengarah Unit Strategi Nasional Kementerian Kewangan Dr Aminuddin Hassim dan Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan Datuk Makhtar Mustapha.

PKS menyumbang sehingga 35.9 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun 2015 selain 17.8 peratus kepada eksport dan 65 peratus dari segi pekerjaan negara.

Mengulas lanjut, Mustapa berkata kerajaan menitikberatkan pembangunan PKS dengan menumpukan aspek daya saing dan produktiviti mereka bagi menembusi pasaran global, termasuk kerjasama dengan syarikat multinasional.

Sementara itu, Hafsah berkata sejak pelancaran Minggu PKS pada Isnin lepas, sejumlah RM2.4 juta jualan langsung dicatatkan dan beliau yakin sasaran RM6 juta itu mampu dicapai.

"Selain itu, padanan perniagaan bernilai RM30 juta turut dicatatkan. Kita menyasarkan jualan sebanyak RM70 juta sepanjang Minggu PKS yang berakhir pada 4 Jun depan," katanya.

Hafsah berkata, seramai 340,000 pengunjung dijangka hadir sepanjang tempoh program berkenaan.



Selasa, 31 Mei 2016

18. GST: Peniaga dalam talian perlu daftar - Kastam

KUALA LUMPUR: Peniaga dalam talian perlu mendaftarkan perniagaan mereka dengan segera di bawah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk memudahkan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Ketua Pengarah JKDM, Datuk Seri Khazali Ahmad, berkata bagaimanapun pendaftaran itu hanya diwajibkan kepada perniagaan yang mempunyai perolehan bercukai RM500,000 ke atas sahaja.

"Pendaftaran ini tertakluk kepada semua peniaga yang menjalankan perniagaan dalam talian sama ada tempatan mahupun luar negara.

"Sebagai contoh jika barangan yang dijual itu diimport dan pulangnya lebih daripada RM500,000 maka mereka perlu membayar GST untuk itu," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Seminar GST Nasional 2016 di sini, hari ini.

Khazali berkata, jabatan itu sedang mengumpul maklumat untuk mengesan peniaga dalam talian yang masih tidak mendaftar.

"Dianggarkan 30,000 peniaga dalam talian telah dikesan di negara ini dan kita mempunyai banyak cara untuk mengesan mereka dan antaranya melalui penggunaan bayaran perbankan dalam talian oleh peniaga ini," katanya.

Beliau berkata, sekiranya peniaga tidak mendaftar, mereka akan dikenakan tindakan di bawah Seksyen 41 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) 2014.

Mengulas mengenai tuntutan bayaran balik GST, beliau berkata, setakat ini 70 peratus telah berjaya disalurkan kepada peniaga berdaftar dalam tempoh 14 hari.

"Diharapkan pada tahun kedua pelaksanaan GST ini, semua proses daripada pendaftaran, tuntutan dan sebagainya dapat ditambah baik," katanya.

Seminar dua hari sehingga esok itu disertai 1,200 orang dari dalam dan luar negara untuk berkongsi pengetahuan dan pendapat mengenai GST selain menilai kembali pelaksanaan GST selepas setahun dua bulan dilaksanakan.

Malaysia mula melaksanakan GST pada 1 April 2015 dengan kadar enam peratus, menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan yang kadar keseluruhannya 16 peratus.



Selasa, 31 Mei 2016

19. Palanivel enggan buat laporan SPRM sekarang

KUALA LUMPUR: "Saya tidak mahu buat laporan mengenai campur tangan orang berpengaruh mengenai penerokaan tanah haram di Cameron Highland pada masa ini," kata Ahli Parlimen Cameron Highlands, Datuk Seri G Palanivel.

Sebaliknya, Palanivel berkata beliau hanya akan membuat laporan itu sebaik selesai membuat perbincangan dengan pelbagai agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan mengenai masalah banjir di kawasan berkenaan.

"Saya akan berada di kawasan saya dan memastikan bantuan dan kerja pembersihan akibat banjir dilaksanakan dengan segera.

"Pada masa ini saya hanya mahu menumpukan kepada usaha membantu mangsa banjir kerana ada banyak jalan dan jambatan yang rosak," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau mengulas gesaan supaya membuat laporan kepada SPRM mengenai dakwaannya mengenai campur tangan orang berpengaruh dalam penerokaan hutan di Cameron Highlands.

Ahli Jawatankuasa Parlimen Menangani Rasuah (JKMR), Datuk Irmohizam, Ibrahim semalam menggesa Palanivel menyerahkan laporan berhubung dakwaan penerokaan haram di Cameron Highlands didalangi individu atau kumpulan berpengaruh, kepada SPRM.

Palanivel mendakwa penerokaan haram di Cameron Highlands sukar diatasi kerana kegiatan itu didalangi oleh 'individu atau kumpulan berpengaruh'.

Dakwaan itu ditempelak Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, yang menyatakan Palanivel tidak melakukan sesuatu bagi mengatasi masalah penerokaan haram di Cameron Highlands sedangkan pernah memegang portfolio berkenaan (Sumber Asli dan Alam Sekitar) lebih lama berbanding beliau.



Selasa, 31 Mei 2016

20. AKPK selesai 10,197 kes babitkan RM416.7j

KUALA NERUS: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) menyelesaikan 10,197 kes menerusi Program Pengurusan Kredit (PPK) dengan jumlah keseluruhan bernilai RM416.7 juta dari 2007 hingga April lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif AKPK, Azaddin Ngah Tasir, berkata perancangan kewangan yang lemah menjadi punca utama masalah iaitu 51.5 peratus diikuti kegagalan dan kelembapan perniagaan 15.1 peratus.

Katanya, perbelanjaan perubatan yang tinggi mencatatkan 11.8 peratus, kehilangan pekerjaan, diberhentikan kerja dan kehilangan pencarian nafkah utama (9.7 peratus) manakala kos sara hidup tinggi (8.7 peratus) serta lain-lain 3.2 peratus.

"Menerusi PPK, kita membantu peminjam memulakan bajet yang menjadi panduan dalam menunaikan pembayaran hutang dan perbelanjaan hidup sekali gus mengurangkan pinjaman tidak berbayar serta rampasan rumah.

"Malah, sejak penubuhan 2007 hingga April lalu, lebih daripada 429,588 pelanggan mendapatkan perkhidmatan kaunseling AKPK di mana 150,706 daripada mereka dibantu melalui PPK," katanya.

Beliau berkata pada Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan AKPK di Bangunan Canselor UniSZA, hari ini.

Turut hadir Pengerusi AKPK, Datuk Mohd Haniff Sher Mohamed dan Pengarah Pusat Perhubungan Alumni, Industri dan Komuniti UniSZA, Prof Madya Dr Fakhru Anwar Zainol.



KETUA Pegawai Eksekutif AKPK, Azaddin Ngah Tasir. - Foto Mohd Syafiq Ridzuan Ambak



Selasa, 31 Mei 2016

21. MRCB kemuka tender projek bernilai RM8b

PETALING JAYA: Syarikat hartanah dan pembinaan, Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB), mengemukakan tender bagi projek-projek bernilai kira-kira RM8 bilion, kata Pengarah Eksekutif Mohd Imran, Tan Sri Mohamad Salim.

"Sejak dua belas bulan lalu, kami menambah jumlah kontrak dalam tangan kepada lebih RM4 bilion dalam projek pembinaan dan kini dalam usaha mendapatkan projek infrastruktur yang lebih besar," katanya selepas mesyuarat agung tahunan syarikat di sini, hari ini.

Hingga kini, kontrak pembinaan dalam tangan MRCB berjumlah RM5.4 bilion.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi, Kwan Joon Hoe, berkata syarikat menyasar RM1 bilion dalam jualan hartanah tahun ini, lebih tinggi berbanding RM850 juta nilai hartanah yang dijual pada 2015.

"Pada 2016, kami akan melancarkan projek bernilai RM2.2 bilion yang terdiri daripada Sentral Suites di Kuala Lumpur, Menara MRCB Putrajaya, Prima homes di Kajang, serta hartanah bertanah di Bandar Seri Iskandar (Perak) dan Bukit Aman Putra (Sungai Buloh).

"Daripada RM3.2 bilion projek-projek yang dilancarkan sejak beberapa tahun lepas, kami mempunyai hartanah yang belum dibilkan bernilai RM1.4 bilion," kata Kwan.

Pada masa ini, MRCB mempunyai simpanan tanah seluas 166 hektar dengan anggaran nilai sebanyak RM50 bilion dalam nilai pembangunan kasar.



Selasa, 31 Mei 2016

22. WEF ASEAN 2016 tumpu tiga bidang utama



MENTERI Industri dan Perdagangan Antarabangsa MITI, Datuk Seri Mustapa Mohamed. - Foto Sairien Nafis

KUALA LUMPUR: Forum Ekonomi Dunia mengenai ASEAN 2016 (WEF ASEAN 2016) yang membuka tirai hari ini akan menumpukan tiga perkara utama iaitu keterangkuman dan pertumbuhan sosial, revolusi perindustrian keempat serta mengukuhkan integrasi serantau.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata pembabitan Malaysia sebagai hos forum itu membolehkan negara ini sekali lagi berkongsi perjalanan transformasi ekonominya kepada dunia menerusi pelaksanaan Model Baharu Ekonomi (MBE).

Beliau berkata, forum kali ini juga membuka peluang kepada Malaysia untuk mempromosikan negara ini sebagai destinasi perdana bagi komuniti pelaburan dunia.

"Agenda seterusnya adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai satu jenama, bersandarkan kepada kisah kejayaan negara ini mengubah landskap ekonominya.

"Kita juga berpeluang berkongsi amalan terbaik yang dilaksanakan negara ini serta peranan aktif Malaysia di dalam ASEAN," katanya pada taklimat WEF ASEAN 2016 di sini, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak akan menyampaikan ucaptamanya pada hari pertama forum. Kerajaan Malaysia akan turut diwakili beberapa anggota kabinet kanan.

Sektor korporat Malaysia pula akan disertai oleh 15 syarikat tempatan yang menjadi ahli WEF iaitu AirAsia Bhd, Astro Malaysia Holdings Bhd, CIMB Group Holdings Bhd, Felda Global Ventures Bhd, IHH Healthcare Bhd dan Khazanah Nasional Bhd.

Turut serta Peremba Group of Companies, Permodalan Nasional Bhd, PETRONAS, QI Group of Companies, SapuraKencana Petroleum Bhd, Sime Darby Bhd, UEM Group Bhd dan YTL Corporation Bhd.

WEF ASEAN 2016 juga adalah mesyuarat Forum yang pertama di rantau Asia Tenggara sejak kejayaan pelancaran Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) pada 31 Disember 2015, di bawah pimpinan Malaysia dalam ASEAN.

Mengulas lanjut, Mustapa berkata selain menonjolkan kejayaan transformasi ekonomi Malaysia, forum kali ini adalah platform terbaik untuk memperlihatkan peranan ASEAN di dalam ekonomi dunia serta kepentingannya di dalam landskap global.

"Berikutan itu, forum kali ini dijenamakan semula sebagai Forum Ekonomi Dunia mengenai ASEAN berbanding Forum Ekonomi Dunia mengenai Asia Timur sebelum ini. Ia membuktikan kedudukan ASEAN sebagai pusat pertumbuhan masa depan," katanya.

Beliau menambah, matlamat utama forum secara dasarnya adalah untuk mengukuhkan rangkaian antara setiap negara serta membuka peluang kepada pemimpin industri untuk meneroka peluang baharu di peringkat serantau.

INFO:

WEF ASEAN 2016

* Berlangsung dua hari di Hotel Shangri-La Kuala Lumpur

* Bertemakan 'Membentuk Agenda ASEAN bagi Keterangkuman dan Pertumbuhan'

* Ia pertemuan ke-25 WEF di rantau Asia Timur dan pertemuan serantau kedua diadakan di Malaysia sejak 2008

* Forum kali ini mengumpul 592 pemimpin perniagaan, sektor awam, sains, seni, masyarakat awam, media dan organisasi antarabangsa



Khamis, 23 Jun 2016

23. Jangan bocor rahsia kerajaan - TPM

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengingatkan penjawat awam supaya menjaga rahsia kerajaan dan tidak sewenang-nya membocorkannya kepada pihak luar.

Timbalan Perdana Menteri, berkata penguatkuasaan undang-undang sudah dibuat bagi mengekang perkara terbabit namun setiap individu itu sendiri haruslah mempunyai sikap 'self impose' atau 'self enforce' pada diri masing-masing.

"Pegawai kerajaan tertakluk tatacara dan tata etika perkhidmatan, kalau ada kalangan kita yang ada perasaan untuk membocorkan atau kongsi rahsia dengan pihak luar, undang-undang tetap ada.

"Kita punyai Akta Rahsia Rasmi (OSA), tapi ia hanya undang-undang yang menjadi panduan, penguatkuasaan yang sebenar adalah diri kita sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Berbuka Puasa Timbalan Perdana Menteri bersama Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Dalam Negeri di Sri Satria di sini hari ini.

Hadir sama, isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Hamidah Khamis; dua Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed dan Masir Kujat; serta Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, perkara terbabit bukan amaran sebaliknya peringatan kepada semua penjawat awam terutama ketika Ramadan.

"Kita perlu buat amalan baik bukan hanya sepanjang Ramadan tapi untuk bulan seterusnya serta setiap masa. Bila kita simpan rahsia, kita bersumpah atas nama Allah dan sekiranya kita langgar sumpah itu kita akan dilaknat. Sebelum itu terjadi saya ingatkan pegawai awam termasuk di KDN supaya menjaga sumpah yang sudah dibuat," katanya.

Pada majlis yang dihadiri 1,200 tetamu itu, Timbalan Perdana Menteri turut menyampaikan sumbangan kepada 100 anak yatim dan fakir miskin dari Tahfiz Al-taqwa dan Rumah Kasih Harmoni, Sungai Buloh, Selangor.



Khamis, 23 Jun 2016

24. Peraturan untuk Uber, Grabcar jamin keseimbangan - SPAD

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yakin peraturan baharu yang akan diperkenal kerajaan terhadap perkhidmatan Uber dan Grabcar mampu mewujudkan keseimbangan terhadap ekosistem perkhidmatan awam negara.

Pengerusinya, Tan Sri Syed Hamid Albar, berkata usaha merangka peraturan terhadap perkhidmatan aplikasi itu yang dibuat kerajaan ketika ini adalah bagi memastikan semua perkhidmatan yang ditawarkan di negara ini di pantau undang-undang.

"Nampaknya Uber dan Grabcar ini sistem yang ramai berminat, mungkin dia (kerajaan) nak membenarkan.

"Kita akan buat peraturan supaya tidak ada pihak berada pada keadaan yang berbeza (terlepas daripada peraturan perkhidmatan pengangkutan). Peraturan ini nanti akan wujudkan keseimbangan," katanya.

Bagaimanapun, beliau enggan memperincikan bentuk peraturan yang akan diperkenal itu.

Syed Hamid berkata, SPAD begitu mengalu-alukan sebarang bentuk perkhidmatan yang menggunakan aplikasi kerana ia terbukti memudahkan, selain sudah berkembang di seluruh dunia.

"Sesiapa yang nak beroperasi guna teknologi maklumat, kita jemput sebab ini perkembangan di seluruh dunia. Tapi kita mahu lahirkan suasana yang berperaturan dan mengikut undang-undang," katanya.

Terdahulu, beliau menghadiri Majlis Berbuka Puasa bagi meraikan kakitangan SPAD serta anak yatim di Kuala Lumpur Golf & Country Club (KLGCC) di Bukit Kiara, hari ini.

Mengulas insiden sekumpulan 50 lelaki dipercayai pemandu teksi yang berang terhadap kemunculan pemandu perkhidmatan Uber di KL Sentral baru-baru ini, beliau berkata ia satu tindakan yang mengecewakan.

Katanya, pemandu teksi tidak seharusnya bertindak sedemikian kerana ia hanya akan menjejaskan perkhidmatan mereka.

"Makin kamu sekat, makin ramai orang nak guna. Kita jangan bertindak di luar batas, mogok di jalan pun akhirnya menyusahkan orang, jalan sesak.

"Kerajaan sedang lakukan tindakan terhadap perkhidmatan Uber dan Grabcar, kita tunggu lah keputusannya nanti," katanya.